



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**LAPORAN PORTAL MALAYSIA TODAY BERTAJUK NAJIB RAZAK'S SRC
APPEAL: THE JUDGEMENT YANG DISIARKAN PADA 23 OGOS 2022**

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) merujuk kepada laporan Portal Malaysia Today bertajuk *Najib Razak's SRC Appeal: THE JUDGEMENT* yang disiarkan pada 23 Ogos 2022. Pejabat ini mendapati penghakiman yang disiarkan oleh Portal tersebut merupakan suatu deraf kerja bagi penghakiman dalam tiga rayuan berhubung dengan kes Dato' Sri Mohd Najib Bin Hj Abd Razak v PP yang telah bocor kepada pihak media.

Pejabat ini mengesahkan bahawa deraf kerja penghakiman yang telah bocor itu merupakan deraf kerja yang belum dimuktamadkan. Penghakiman muktamad hanya disampaikan di Mahkamah Terbuka pada lebih kurang jam 4 petang pada tarikh yang sama. Didapati bahawa dokumen yang bocor itu telah diubahsuai.

Perbuatan ini merupakan suatu tindakan sengaja untuk menjejaskan integriti pengoperasian Mahkamah dan pentadbiran keadilan. Penyiasatan dalaman telah pun dimulakan dan laporan polis telah dibuat. Pejabat ini menegaskan bahawa Badan Kehakiman tidak akan diganggu gugat oleh perbuatan-perbuatan yang menyalahi undang-undang dan tidak bertanggungjawab bagi menjejaskan integriti sistem kehakiman negara.

Sekian, terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya**

Tarikh: 23 Ogos 2022